



Headline: Juruteknik hilang RM35,600 terperangkap Language: Malay
helah *Macau Scam*

Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 8 August 2019

Section: Dalam Negeri
Page: 6

Juruteknik hilang RM35,600 terperangkap helah *Macau Scam*

KUANTAN 7 Ogos - Helah sindiket *Macau Scam* yang memerangkap mangsa dengan mendakwa terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram dan dadah mengakibatkan seorang juruteknik di daerah ini kerugian RM35,600.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, pada 4 Ogos lalu, semasa berada di sebuah hotel di sini, mangsa berusia 26 tahun menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri dari sebuah mahkamah di Terengganu.

Menurutnya, lelaki itu me-

maklumkan mangsa mempunyai notis untuk hadir ke mahkamah berkait kes tunggakan kad kredit.

"Selepas itu, mangsa menerima panggilan daripada lelaki yang mendakwa anggota polis dan memberitahu mangsa terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram serta dadah.

"Talian disambungkan pula kepada seorang lagi 'anggota polis' yang meminta mangsa menyerahkan maklumat akaun bank miliknya. Mangsa menyerahkan butiran perbank internet dan kod pengesahan transaksi (TAC) bagi tujuan semakan," katanya di sini hari ini.

Mohd. Wazir memberitahu, selepas talian diputuskan, mangsa menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada pihak bank yang menunjukkan terdapat tiga transaksi pindahan wang miliknya berjumlah RM35,600.

"Berasakan dirinya ditipu, mangsa membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) semalam," ujarnya.

Tambah Mohd. Wazir, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.